



DAYUNG...Alif Haikal Mohd Nor bermain air ketika banjir melanda PPRT Pulau Serai.



REDAH...Maliha Zakaria mendukung anaknya meredah banjir di Kampung Batu Tiong.

Tengkujuh bertandang

114 kena pindah

>>Oleh Rosli Ilham

am@hmetro.com.my

DUNGUN: Seramai 144 mangsa banjir membatikan 26 keluarga dari lima kampung ditempatkan di lima pusat pemindahan berikutan banjir melanda kawasan kediaman mereka, kelmarin.

Sehingga jam 6 petang semalam, 41 penduduk daripada tujuh keluarga yang tinggal di kawasan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Bukit Gedut, Pulau Serai, di sini, dipindahkan ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Serai selepas banjir melanda kediaman mereka pada jam 9 malam kelmarin.

Tujuh keluarga membatikan 34 orang dari Kampung Tanjung Pagar dipindahkan ke balai raya kampung manakala tiga keluarga membatikan 20 penduduk Kampung Seberang Pintasan dipindahkan ke Dewan Sivik Seberang Pintasan.

Sementara itu, lima keluar-



SEDIA...Zafuan Mat Hassan (kiri) mengangkat mesin basuh sambil dibantu bapa mentuanya, Zakaria Hitam ketika rumahnya dinaiki air.

ga dengan 20 penduduk dari Batu Tiong dipindahkan ke Balai Raya Batu Tiong manakala empat keluarga dengan 29 penduduk Kampung Tok Kah pula ditempatkan ke SK Tok Kah.

Ahli Parlimen Dungun,

Datuk Matulidi Jusoh berkata, hujan lebat melanda daerah ini bermula jam 6 pagi kelmarin menyebabkan tiga kampung banjir.

"Bagi penduduk di kawasan PPRT Bukit Gedut, selain hujan, kediaman yang ham-

pir dengan Sungai Pimpin menyebabkan limpahan air sungai memenuhi persekitaran kediaman mereka," katanya ketika melawat pusat pemindahan banjir di SK Pulau Serai, kelmarin.

Menurutnya, beliau ber-

puas hati dengan tindakan segera Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah yang pantas menyalurkan bantuan kepada mangsa.

"Semua barang keperluan asas termasuk makanan dan minuman dibekalkan sebaik dilapor Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung," katanya.

Katanya, penduduk diminta segera berpindah apabila arahan diberikan pihak berkuasa serta menasihati penduduk tidak membiarkan anak mereka bermain air.

Seorang mangsa, Raihan Deraman, 48, berkata, air mula memasuki rumahnya sejak jam 7 malam dan ia kali kedua keluarganya berpindah sejak tiga tahun tinggal di kampung itu.

"Kami sekeluarga sudah bersiap sedia sejak beberapa minggu lalu termasuk meletakkan peralatan perabot di tempat tinggi serta memastikan semua dokumen penting selamat," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan banjir di SK Pulau Serai.